

UNTUK SIARAN SEGERA

Pelancaran Kamera *Panasonic LUMIX S Series Full-Frame Mirrorless* [LUMIX S Series Bingkai Penuh Tanpa Cermin]

Kuala Lumpur, 27 Mac 2019 – Selepas pengumuman perkembangan sempena Photokina 2018, hari ini Panasonic melancarkan dua model kamera DSLM pertamanya, **Panasonic LUMIX S1R dan S1**, berserta tiga lensa boleh ditukar L-Mount, sekaligus memperkenalkan sistem kamera bingkai penuh tanpa kompromi yang tiada tandingan untuk jurufoto dan juruvideo profesional.

“Kami amat teruja untuk memperkenalkan LUMIX S Series baharu ini kepada pakar kreatif dan jurufoto tempatan. Dengan peningkatan generasi penggemar kandungan dan media sosial, lebih ramai orang yang meminati foto dan video hibrid, malah memperluas rangkaian ekspresi dalam penghasilan kandungan media,” kata Cheng Chee Chung, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

“Kamera berteknologi terbaharu diperlukan untuk bidang moden ini yang mencabar batasan foto dan video tradisional, dan di sinilah kelebihan LUMIX S1R dan S1 menonjol dalam menerajui perubahan.”

Antara ciri-ciri utama LUMIX SR1 dan S1, termasuk:

- **Sensor CMOS bingkai penuh 35mm** dan enjin pemproses imej yang terbaharu untuk tahap fleksibiliti yang lebih luas, kemampuan ekspresif dan kualiti imej luar biasa dengan resolusi tinggi, gradian kaya dan penghasilan semula warna yang lebih bermutu tinggi.
- **Sokongan untuk rakaman video 4K 60p/50p yang pertama di dunia** dalam kamera DSLM bingkai penuh.
- Kamera bingkai penuh yang pertama di dunia dilengkapi **sistem penstabil imej Dual I.S** terbina dalam, membolehkan gambar diambil secara pegangan dalam suasana gelap atau jauh, tanpa memerlukan tripod atau peralatan lain.
- **Slot kad memori Dual XQD/SD**, yang pertama bagi Panasonic, dan skrin **LCD boleh-condong tiga paksi tahan lasak**, khas untuk menyokong fotografi dan videografi profesional.
- **L-Mount Kamera Leica**, yang dihasilkan atas usaha sama dan gabungan teknologi serta idea Leica, Panasonic dan Sigma, memperbanyak pilihan lensa boleh ditukar, sekali gus mempertingkatkan kemampuan ekspresif.

Pelancaran eksklusif ini membolehkan para jemputan merasai pengalaman tersendiri menggunakan kamera ini semasa sesi ‘Sentuh & Cuba’, serta berpeluang untuk mempelajari pelbagai ciri inovatif yang terdapat pada kamera daripada wakil-wakil Panasonic. Zon khas dengan tema dan dekorasi yang bertepatan telah disediakan untuk membolehkan para jemputan mengalami dan menyaksikan sendiri prestasi dan fungsi hebat kamera siri S terbaharu ini.

Persembahan tarian *ballroom* klasik turut memberi peluang kepada para jemputan untuk mengalami sendiri kemampuan fokus kepersisan tinggi LUMIX S1R dan S1 untuk merakamkan detik-detik spontan, pergerakan pantas subjek tumpuan.

Satu sudut khas bertemakan vintaj dan berona gelap dengan model-model yang menggayakan gaun perkahwinan turut tersedia bagi membolehkan para jemputan mencuba dan melihat kemampuan prestasi luar biasa kamera S untuk merakam potret indah yang menampilkan perincian jelas walaupun di bawah keadaan cahaya rendah.

Jurufoto dan juruvideo terkemuka turut dijemput khas untuk berkongsi pengalaman peribadi mereka menggunakan kamera siri S baharu ini.

Pelancaran tersebut berjalan lancar penuh kemeriahan, dihadiri oleh ramai jurufoto, juruvideo, ahli media dan tetamu-tetamu KOL.

Kedua-dua modal kamera boleh didapati di pasaran seluruh negara bermula April 2019. Panasonic S1R ditawarkan dengan harga RM11,499 untuk badan kamera sahaja atau RM15,999 dengan kit lensa 24-105mm f/4. Kamera S1 dijual pada harga RM16,999 untuk badan kamera sahaja atau RM20,999 dengan kit lensa 24-105mm f/4.

Untuk maklumat lanjut mengenai tawaran produk dan perkhidmatan Panasonic, layari www.panasonic.com.my.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd adalah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic yang merangkumi produk elektrik dan elektronik yang terdiri daripada audio visual, peralatan rumah, penyaman udara, kualiti udara dalaman, perniagaan solar, kamera digital & video, peralatan penyiaran profesional, solusi sistem, telekomunikasi, penjagaan kesihatan & kecantikan, bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati daripada wakil jualan sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, layari laman sesawang kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.
